

RENCANA

Penyatuan Yaman masih gagal wujudkan negara yang sepadu

► DR AMEEN TALIB

ENCIK Ali, 65 tahun, berasal dari Hadramaut, tetapi beliau tinggal di Aden, Yaman, sejak lewat 1980-an.

Beliau terkenang masa lalunya yang indah di Aden sebelum penyatuan Yaman.

Beliau menyaksikan penyatuan Yaman pada 1990, perang saudara 1994 dan percambahan orang Utara di Aden dan perang Yaman baru-baru ini.

Beliau rindukan masa sebelum penyatuan yang lebih baik.

Encik Ali menyalahkan penyatuan Yaman Utara dan Selatan atas kemerosotan Aden.

Beliau merasakan Aden telah "dijajah" oleh Yaman Utara sejak penyatuan itu.

Beliau tidak pernah menyokong prinsip "Satu Yaman" dan sentiasa menyokong sebarang gerakan/seruan memisahkan Selatan dari Utara.

Beliau pada dasarnya adalah seorang pemisah.

Yaman mempunyai sejarah politik kontemporari yang agak ganas yang diselubungi konflik militan.

Yaman Utara dikuasai oleh monarki Zaydi sejak jatuhnya empayar Ottoman pada 1918 hingga 1962; di mana terjadinya rampasan kuasa pejuang republik yang disokong Mesir.

Perang saudara yang berlarutan antara pejuang republik dan Zaydi yang disokong Arab Saudi, melanda Yaman Utara dari 1962 hingga 1970.

Zaydi mengekalkan dogma mereka bahawa mereka mempunyai hak murni untuk memerintah.

Houthi adalah Zaydi.

Pada Jun 1978, Presiden Yaman Selatan, Encik Salim Rubai Ali, menghantar seorang perwakilan khas ke Sanaa, di Yaman Utara, untuk bertemu Presiden Yaman Utara ketika itu, Encik Ahmad bin Hussein al-Ghashm.

Perwakilan khas itu membawa sebuah beg yang dipercayai berisi mesej rahsia.

Beg itu meledak, membunuh Presiden Ahmad bin Hussein al-Ghashm dan perwakilan khas itu.

Beberapa hari kemudian, Presiden Salim Rubai Ali terbunuh dalam satu rampasan kuasa di Aden.

Pada 13 Januari, 1986 apabila Parti Sosialis Yaman Selatan sedang mengadakan satu mesyuarat, pengawal peribadi Encik Ali Nasir Muhammad, melepaskan tembakan ke arah para anggota parti itu, mengakibatkan berlakunya peristiwa tembakan menembak dari pelbagai sudut, kerana hampir setiap orang yang menghadiri mesyuarat itu, membawa senjata api.

Pergaduhan itu menular hingga ke bandar dengan beberapa kumpulan saling bertempur selama 12 hari, mengakibatkan ribuan orang cedera.

Encik Ali Nasir Muhammad dan penyokongnya kalah dan berundur ke Yaman Utara.

Rakyat Yaman sudah terbiasa dengan pergaduhan politik yang ganas.

Perang saudara yang berlaku sekarang di Yaman, mungkin dimulakan oleh pemberontak Houthi yang menggulingkan pemerintah sah di Sanaa.

Pemerintah sah itu berpindah ke Aden dan terlibat dalam konflik bersenjata dengan Houthi, untuk merampas semula kuasa bagi seluruh Yaman.

Prinsip Satu Yaman dipertahankan oleh pemerintah yang sah; terdiri dari orang-orang Utara dan Selatan.

Satu kumpulan baru muncul, semasa perang saudara iaitu golongan pemisah Majlis Peralihan Selatan (STC) pimpinan Aidarus al-Zoubaidi, dengan Aden sebagai pangkalannya.

Seruan mereka adalah untuk memisahkan Yaman Selatan dan menjadikannya sebuah negeri bebas yang dikuasai oleh orang Selatan.

Seruan pemisahan ini telah menarik minat Encik Ali.

Lain-lain ideologi dan manifesto STC sudah tidak penting lagi bagi mereka.

Terdapat ramai yang sehaluan dengan Encik Ali di Yaman Selatan.

Mereka ingin kembali menjadikan Yaman Selatan terpisah sebagai negeri bebas.



DI TENGAH-TENGAH KONFLIK POLITIK: Bandar Aden dikatakan telah "dijajah" oleh Yaman Utara sejak penyatuan antara Yaman Selatan dan Utara. – Foto REUTERS

Mereka ini memberikan sokongan kepada STC.

Sekarang, tiada kumpulan lain yang mahukan kemerdekaan Yaman Selatan.

Kalau ada nanti, akan terjadi perpecahan sokongan terhadap STC.

Satu pergerakan baru, pada awalnya, mahukan Hadramaut menjadi wilayah berautonomi.

Seruan mewujudkan Hadramaut sebagai wilayah autonomi, tidak sepatutnya dari segi formula autonomi yang mereka mahukan.

Seruan mewujudkan wilayah autonomi itu berkisar dari sebuah negeri yang merdeka sepenuhnya hingga sebuah rantau autonomi di bawah persetujuan Persidangan Dialog Kebangsaan 2013/2014, hingga kepada sebuah rantau autonomi dalam persekutuan Yaman yang baru di bawah pemerintah sah, kepada rantau autonomi di bawah kuasa Yaman Selatan yang terpisah.

Rujukan bagi pemerintah sah yang ada sekarang, dan khusus dirujuk kepada Persidangan Dialog Kebangsaan yang telah gagal, mengakibatkan sokongan beralih daripada pergerakan STC bagi autonomi Hadramaut.

Kumpulan pemisah Hadhrami, seperti Encik Ali, terus menyokong STC.

Kepimpinan pergerakan autonomi Hadramaut perlu menunjukkan perpaduan yang jelas tentang bentuk autonomi yang ingin mereka wujudkan.

Encik Ali sekarang ini berada di Kuala Lumpur, menghadiri majlis perkahwinan anak saudara perempuannya.

Saudara lelakinya tinggal di Kuala Lumpur sejak beberapa tahun lalu dan pernah tinggal di Arab Saudi sejak 1980-an.

Saudara lelakinya ini tidak pernah tinggal di Aden tetapi dibesarkan di Hadramaut.

Beliau melihat Hadramaut sebagai telah "diduduki" oleh peme-

rintah pusat di Aden sejak kemerdekaan pada 1967.

Beliau adalah penyokong kuat bagi negeri Hadramaut yang merdeka.

Beliau benar-benar seorang Hadhrami diaspora.

Kesetiaan mereka hanya kepada Hadramaut bukan Yaman.

Kebanyakan mereka menyokong kemerdekaan Hadramaut.

Pergerakan autonomi Hadramaut perlu menghargai dan mengambil kesempatan daripada pendirian itu.

Hadramaut secara tradisi mempunyai dua kesultanan: Kesultanan Kathiri dan Kesultanan Quaiti.

Kedua-dua kesultanan itu adalah di bawah naungan British, dengan pelabuhan Aden sebagai jajahan British.

Apabila British berundur dari

Aden, mereka menarik balik naungannya ke atas Hadramaut, menubuhkan Republik Yaman Selatan.

Sentimen kebanyakan orang (seperti Encik Ali) adalah Hadramaut telah dijajah oleh pemerintah Aden sejak kemerdekaan pada 1967.

Para pemimpin pergerakan autonomi Hadramaut perlu mencontohi kaum Armenia, yang menunggu hampir satu abad untuk mendapatkan semula kuasa ke tangan mereka.

Hadramaut sebagai sebuah negeri, telah diperintah oleh "orang luar" selama separuh abad.

Orang-orang Hadramaut berbeza dengan orang Yaman yang lain.

Mereka mempunyai sejarah dan budaya tersendiri, lain daripada bahagian lain di Yaman.

Hadramaut berada di bawah pemerintahan yang merdeka hingga ke 1967.

STC mahu kembali kepada status 1990 (sebelum penyatuan) dan pergerakan Hadramaut perlu tegas untuk mendapatkan status seperti sebelum 1967.

Hadramaut boleh meminta diwujudkan demokrasi kesultanan yang berperlembagaan.

Kesultanan Kathiri dan Quaiti boleh bergabung dengan Shabwa dan Mahra bagi membentuk sebuah persekutuan.

Kepimpinan pergerakan bagi autonomi Hadramaut perlu bersatu atas pendirian bersama.

► Penulis ialah Ketua Projek Gunaan, Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) dan setiausaha kehormat Persatuan Arab Singapura (Al-Wehdah).

"Source: Berita Harian © SPH Media Limited. Permission required for reproduction".